



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

### PELUPUSAN CAKERA KERAS DI ANTARA CYBERSECURITY MALAYSIA & PERBADANAN PUTRAJAYA

*Kejasama bagi melupuskan cakera keras dapat memelihara kerahsiaan data sensitif kerajaan di samping menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar*

Putrajaya, 30 Mac 2010 - CyberSecurity Malaysia dan Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menandatangani perjanjian kerjasama pelupusan cakera keras tanpa melibatkan apa-apa kos ke atas mana-mana pihak.

Dalam perjanjian tersebut, PPj akan menyerahkan cakera-cakera keras yang telah rosak dan yang tidak digunakan lagi untuk dilupuskan oleh CyberSecurity Malaysia. Pelupusan data serta maklumat yang terdapat di dalam ke semua cakera keras ini akan dibuat secara kekal bagi memastikan ke semua data serta maklumat yang terkandung di dalam cakera keras luput sepenuhnya.

Pelupusan data serta maklumat secara kekal ini amat penting bagi semua pihak agar informasi tersebut tidak digunapakai dan dimanipulasikan oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan tertentu. Proses pelupusan ini juga dibuat sebagai salah satu inisiatif keselamatan maklumat bagi menjamin integriti serta reputasi sesebuah organisasi. Justeru, melalui perjanjian kerjasama seumpama ini, adalah diharapkan supaya ianya dapat memberi kesedaran dan makluman kepada organisasi kerajaan yang lain untuk turut sama mengambil langkah melupuskan data-data serta maklumat yang terdapat di dalam simpanan cakera keras mereka.

Menurut Lt. Kol. Husin bin Jazri (Bersara), Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia: "Di samping menyediakan perkhidmatan keselamatan Internet, CyberSecurity Malaysia turut mempunyai kepakaran dalam membaikpulih dan melupuskan data serta maklumat yang terdapat di dalam cakera keras. Perkhidmatan membaikpulih serta pelupusan data ini hanya dijalankan apabila di minta secara bertulis oleh organisasi kerajaan termasuklah PPj. Dalam pada itu, CyberSecurity Malaysia akan sentiasa memastikan agar kerahsiaan data-data yang didedahkan semasa proses pelupusan ataupun membaikpulih cakera-cakera keras diperlihara dan dijaga sepenuhnya. Adalah menjadi hasrat kami untuk menjadikan CyberSecurity Malaysia sebagai Pusat Membaikpulih Data Kebangsaan (National Data Recovery Centre)".

Perjanjian kerjasama di antara CyberSecurity Malaysia dan PPj pada hari ini bertujuan untuk memastikan data-data milik PPj yang terkandung di dalam cakera keras yang rosak dan tidak lagi digunakan, dapat dihapuskan secara kekal dengan cara yang betul dan selamat oleh CyberSecurity Malaysia.

Tan Sri Samsudin Osman, Presiden PPj pula berkata "Proses pelupusan data di dalam cakera keras ini bukan sahaja menepati keperluan kedua belah

pihak, malah ianya turut membantu memelihara alam sekitar disebabkan pengurangan bahan buangan apabila cakera-cakera keras yang telah rosak dan tidak lagi diperlukan dapat dikitar semula sebagai alat ganti". Beliau juga amat mengalu-alukan kerjasama ini, memandangkan pada ketika ini PPj sedang berusaha untuk menerajui Teknologi Hijau di dalam membangun dan mentadbir Pusat Kerajaan Persekutuan Putrajaya. PPj juga merupakan agensi pertama yang telah menandatangani perjanjian secara rasmi untuk kerjasama seumpama ini dengan CyberSecurity Malaysia.

**( ZAHARAH SALAMAT )**

**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Mac 2010

---

Diselaraskan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

## **MAKLUMAT/INFO MEDIA**

### **Latarbelakang CyberSecurity Malaysia**

**CyberSecurity Malaysia** adalah sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan dipertanggungjawabkan atas hal ehwal keselamatan ruang siber negara, sama ada dari aspek teknikal, penyelidikan, pembangunan sumber manusia, mahupun perkhidmatan jangkau-luar serta lain-lain perkhidmatan khusus dalam bidang keselamatan siber.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh **CyberSecurity Malaysia** adalah seperti berikut:

- Pusat Bantuan Cyber999™
- Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT)
- Perkhidmatan Forensik Digital (CyberCSI™)
- Pengurusan Keselamatan dan Amalan Terbaik
- Jaminan Keselamatan
- Perkhidmatan Penilaian Kelemahan
- Badan Pensijilan *Common Criteria* Malaysia
- Pembangunan Profesional Keselamatan Maklumat
- Program Kesedaran Keselamatan Maklumat melalui Program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness For Everyone*)
- Kajian Dasar Keselamatan Maklumat

Untuk maklumat lanjut mengenai CyberSecurity Malaysia layari laman web sosial facebook ("CyberSecurity Malaysia" fan page <http://www.facebook.com/pages/CyberSecurity-Malaysia/283232114039>) dan twitter ([www.twitter.com/cybersecuritymy](http://www.twitter.com/cybersecuritymy)) atau laman web korporat [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my) atau hubungi **Mohd Shamil Mohd Yusoff** [shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my) dan **Sandra binti Isnaji** [sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my).